

KERATAN AKHBAR



TABIKA dan taska di bawah seliaan Kemas seluruh negara mula beroperasi.

11,430 tabika, taska operasi 1 Julai ini

Mersing: Sebanyak 11,430 taman bimbingan kanak-kanak (tabika) dan taman asuhan kanak-kanak (taska) di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) seluruh negara akan kembali beroperasi pada 1 Julai ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad berkata, pembukaan itu membabitkan 10,910 tabika dan 520 taska.

Katanya ia juga melibatkan 220,000 kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun yang belajar di tabika dan 9,500 kanak-kanak berusia dua hingga empat tahun di taska.

"Semua lebih 11,000 pe- maju masyarakat atau guru

Kemas juga sudah bersedia untuk memulakan sesi pembelajaran dalam norma baru.

"Rabu ini, Kemas akan buka semua tabika dan taska seluruh negara. Tiada yang terkecuali semua dibuka dengan peraturan prosedur operasi standard (SOP) normal baharu.

"Tidak perlu bimbang kerana kita akan pastikan tabika dan taska mengikut SOP dan normal baharu, termasuk penjarakan sosial yang pastinya akan dipenuhi oleh guru juga kanak-kanak," katanya sidang media selepas majlis ramah mesra meraikan sukarelawan penyediaan PPE Kemas di Felda Tenggaroh 5 di sini, semalam.

KETERANGAN AKHBAR

Harian **Metro**

KERATAN BERTARIKH: 29 JUN 2020

HARI : ISNIN

RUANGAN: LOKAL

HALAMAN: 7